

11/08/1997

Mahathir perjelas idea MSC

Jami'ah Shukri

BAGAN DATOH, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka memulakan kempen penerangan secara menyeluruh mengenai idea mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan kepentingan teknologi maklumat (IT) kepada rakyat, akhir bulan ini.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, berkata Perdana Menteri akan muncul melalui media elektronik ketika waktu perdana dengan menjelaskan kepada rakyat mengenai kepentingan MSC dan IT bagi menjamin pembangunan negara.

Menurutnya, penerangan itu perlu dilakukan bagi mengelakkan rakyat daripada terpedaya dengan dakyah tidak baik yang dilemparkan media Barat mengenai idea berkenaan.

"Dr Mahathir juga akan bercakap mengapa Malaysia perlu mewujudkan MSC dan IT serta menjadi pelopor kepada idea itu," katanya kepada pemberita selepas majlis Perayaan Ulang Tahun Ke-100 Bagan Datoh, di sini hari ini.

Hadir sama, Ketua Pergerakan Pemuda Umno yang juga Ahli Parlimen Bagan Datoh, Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Mohamed berkata, Kementerian Penerangan dengan kerjasama Mimos Berhad juga akan menjalankan kempen besar-besaran, termasuk mengadakan perjumpaan dengan rakyat dan melalui media cetak bagi memberi penerangan mengenai MSC kepada rakyat.

Menurutnya, kempen itu akan diadakan berterusan sehingga idea berkenaan menjadi kenyataan dan diterima rakyat.

"Ini kerana IT berperanan penting dalam memberikan maklumat serta boleh membawa sesuatu bangsa itu lebih maju.

"Hasrat kita ialah untuk memberikan maklumat sebanyak mungkin kepada rakyat supaya mereka boleh memainkan peranan yang lebih berkesan dalam menuju Wawasan 2020.

"Kita tidak mahu ketinggalan dalam pelbagai bidang kerana maklumat juga adalah sebagai satu aset atau industri yang besar pada abad ke-21," katanya.

Beliau berkata, kerajaan percaya penggunaan IT mampu dicapai kerana negara mempunyai infrakstruktur yang lengkap, termasuk satelit dan rangkaian gentian optik.

"Malah Perdana Menteri juga sudah menjelajah ke seluruh dunia untuk memasarkan idea MSC dan sambutan daripada beberapa syarikat antarabangsa adalah positif.

"Saya ingatkan kepada orang ramai supaya berhati-hati dengan dakyah yang tidak baik yang cuba disebar oleh media Barat yang iri hati dengan kejayaan negara," katanya.

Sehubungan itu, Mohamed berkata, idea itu perlu diperjelaskan mulai sekarang bagi membuktikan kepada dunia Malaysia mampu melahirkan pembaharuan dengan cemerlang.

(END)